# Lebih 48,000 rumah RM300,000 ke bawah belum terjual

BH ONLINE | Isnin, 23 September 2019 | 6:27pm




MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin berucap pada majlis pelancaran Cities 4.0 dan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Sebanyak 48,585 unit rumah berharga RM300,000 ke bawah di seluruh negara masih belum terjual setakat ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata berdasarkan Laporan Suku Pertama 2019 oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), jumlah itu merangkumi 36,512 unit rumah dalam pembinaan dan 12,073 unit rumah yang sudah siap.

Katanya, masalah utama rumah berkenaan tidak terjual adalah kegagalan pemohon terutama daripada golongan B40 dan M40 untuk mendapatkan pinjaman bank.

Beliau berkata, kementeriannya akan menganjurkan Kempen Pemilikan Rumah Mampu Milik (HOC) yang memberi fokus kepada rumah berharga RM300,000 ke bawah bagi golongan berkenaan, dari 4 hingga 6 Oktober ini di kompleks membeli-belah NU Sentral di sini.

"Ini adalah HOC pertama yang dianjurkan bagi rumah berharga RM300,000 ke bawah, yang turut memberi fokus kepada pembeli rumah pertama.

"Terdapat kira-kira 10,500 rumah yang keseluruhannya bernilai RM2 bilion akan ditawarkan oleh 32 pemaju swasta dan kerajaan yang menyertai HOC ini nanti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pra pelancaran HOC di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalannya, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah.